

# RAMADAN INI RAMADAN KITA- JUALAH RAMADAN KOMUNITI WP LABUAN 2026



**Labuan, 23 Februari 2026**– Sesi libat urus pelaksanaan Jaulah Ramadan Komuniti KPM Tahun 2026 Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan telah dipengerusikan oleh Pengarah Pendidikan, Jabatan Pendidikan W.P. Labuan, Encik Yahya Ahmad Puteh.

Program Jaulah Ramadan Komuniti KPM Peringkat WP Labuan akan berlangsung pada 6 Mac 2026.

Perbincangan meliputi gerak kerja awal, pembentangan ahli jawatankuasa kerja serta perancangan pengisian program.

Sekolah Menengah Sains Labuan telah dipilih oleh Kementerian Pendidikan sebagai lokasi penyediaan bubur lambuk, Taklimat Tekad bersama komuniti, solat Maghrib, majlis berbuka puasa serta penyampaian sumbangan raya

oleh Yayasan Tun Hussein On (YTHO).

Manakala Kolej Matrikulasi Labuan pula sebagai lokasi solat Isyak, solat Taraweh, moreh serta penyampaian sumbangan raya.

Turut hadir dalam sesi libat urus ini ialah Pengarah Kolej Matrikulasi Labuan Encik Hasnul Hari Sariman, Timbalan Pengarah Kolej Matrikulasi Encik Syahmun Yahya, Pengetua SM Sains Labuan Encik A. Zailiani A. Mumin pengurusan tertinggi Jabatan Pendidikan WP Labuan serta jawatankuasa Jaulah Ramadan.

[#Ramadan](#) Ini Ramadan Kita







